



INTERNATIONAL JOURNAL OF
LAW, GOVERNMENT AND
COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**PENGALAMAN HIDUP DAN CABARAN BEKAS BANDUAN DI
LUAR PENJARA: KAJIAN KES KE ATAS BEKAS BANDUAN DI
JALAN CHOW KIT**

*LIFE EXPERIENCES AND CHALLENGES OF FORMER PRISONERS OUTSIDE
PRISON: A CASE STUDY OF FORMER PRISONERS IN JALAN CHOW KIT*

Mohd Alif Jasni^{1*}, Nor Azimah Abdul Hamid², Sangari Suganthra³, Mohd Saiful Osman⁴,
Nursuhaidah Shuib⁵, Philip Pangkat⁶, Parimala Muthu⁷

¹ Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah
Email: alevmikail@gmail.com / mohd.alif.jasni@uum.edu.my

² Penjara Bentong, Felda Mempaga, 28600 Karak, Pahang
Email: azimahabdhamid@gmail.com

³ Bahagian Dasar Kepingjaraan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang-Semenyih By Pass, 43000 Kajang, Selangor
Email: sangari@prison.gov.my

⁴ Cawangan Khas Bukit Aman, 50560 Kuala Lumpur
Email: mohdsaifulepon@gmail.com

⁵ Bahagian Korektif, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang-Semenyih By Pass, 43000 Kajang, Selangor
Email: nursuhaidahshuib1492@gmail.com

⁶ Penjara Tawau, 91008 Tawau, Sabah
Email: philippangkat@yahoo.com

⁷ Cawangan Khas Bukit Aman, 50560 Kuala Lumpur
Email: parimala_muthu@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.10.2025

Revised date: 18.11.2025

Accepted date: 18.12.2025

Published date: 26.12.2025

To cite this document:

Jasni, M. A., Abdul Hamid, N. A.,
Suganthra, S., Osman, M. S., Shuib,
N., Pangkat, P., & Muthu, P. (2025).

Abstrak:

Kehidupan selepas pembebasan dari penjara sering kali menjadi fasa yang paling mencabar bagi bekas banduan, khususnya bagi mereka yang tidak mempunyai sokongan keluarga, peluang pekerjaan atau jaringan sosial yang kukuh. Ketidakmampuan menyesuaikan diri dengan tuntutan hidup di luar tembok penjara menyebabkan ramai dalam kalangan mereka akhirnya hidup di jalanan dan terperangkap dalam kitaran sosial yang tidak stabil. Kajian ini dijalankan bagi memahami pengalaman hidup serta cabaran yang dihadapi oleh bekas banduan yang mengalami pengulangan kesalahan, khususnya mereka yang berada di sekitar kawasan Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Menggunakan pendekatan kualitatif, seramai tiga orang bekas banduan ditemu bual secara mendalam. Pemilihan informan dibuat melalui teknik persampelan purposif

Pengalaman Hidup Dan Cabaran
Bekas Banduan di Luar Penjara:
Kajian Kes Ke Atas Bekas Banduan
Di Jalan Chow Kit. *International
Journal of Law, Government and
Communication*, 10 (42), 272-290.

DOI: 10.35631/IJLGC.1042018

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



berdasarkan kriteria tertentu, iaitu berstatus bekas banduan, mempunyai rekod jenayah berulang, warganegara Malaysia, dan tidak mengalami sebarang penyakit mental yang menghalang proses temu bual. Dapatan kajian ini mendedahkan tiga tema utama yang mempengaruhi kelangsungan hidup mereka selepas pembebasan. Tema pertama berkaitan hubungan kekeluargaan yang sering renggang dan dipenuhi rasa rindu, namun dalam masa yang sama menjadi sumber motivasi untuk berubah. Tema kedua menyentuh isu ketagihan dadah dan kitaran jenayah yang saling memperkukuh antara satu sama lain, menjadikan proses pemulihan lebih sukar. Tema ketiga pula merangkumi halangan integrasi semula ke dalam masyarakat, khususnya dari segi kesukaran mendapatkan pekerjaan akibat rekod jenayah serta stigma masyarakat terhadap bekas banduan. Kesemua faktor ini menunjukkan bahawa pembebasan dari penjara bukan jaminan kepada kehidupan yang lebih baik sekiranya tiada sokongan yang holistik. Oleh itu, hanya melalui gabungan strategi pencegahan, intervensi sosial, pemerkasaan ekonomi dan program pemulihan berterusan, kadar jenayah berulang dapat dikurangkan, sekali gus meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

Kata Kunci:

Bekas Banduan, Integrasi Semula, Pengalaman Hidup, Cabaran

Abstract:

Life after release from prison often represents the most challenging phase for former inmates, particularly for those without strong family support, employment opportunities, or stable social networks. The inability to reintegrate effectively into society leaves many homeless former prisoners and trapped in unstable social cycles. This study aims to explore the lived experiences and challenges faced by former prisoners, particularly those residing around the Chow Kit area in Kuala Lumpur. Using a qualitative research approach, in-depth interviews were conducted with three former prisoners. Participants were selected through purposive sampling based on specific criteria: being a former prisoner, having repeated criminal offences, being a Malaysian citizen, and having no mental illness that would hinder participation in the interview. The findings reveal three major themes that shape their post-release experiences. The first theme relates to family relationships, which are often strained yet filled with deep longing, while still serving as an important source of emotional motivation. The second theme highlights the issues of drug addiction and the crime cycle, both of which reinforce each other and complicate the process of recovery. The third theme concerns barriers to reintegration, particularly difficulties in securing employment due to criminal records, as well as the stigma imposed by society on former offenders. These challenges demonstrate that release from prison alone does not guarantee improved life outcomes without comprehensive and sustained support. Therefore, reducing recidivism requires a holistic combination of prevention strategies, social interventions, economic empowerment, and continuous rehabilitation programmes. Such integrated approaches are essential to breaking the cycle of crime and addiction, ultimately contributing to greater public safety and community well-being.

Keywords:

Former Prisoners, Reintegration, Lived Experiences, Challenges

Pengenalan

Isu jenayah berulang atau residivisme merupakan cabaran berterusan bagi sistem keadilan jenayah di seluruh dunia. Fenomena ini merujuk kepada kecenderungan bekas banduan untuk melakukan kesalahan semula selepas dibebaskan dari penjara. Kajian-kajian antarabangsa menunjukkan bahawa sebahagian besar bekas banduan kembali terlibat dalam aktiviti jenayah, walaupun pelbagai usaha pemulihan telah dijalankan. Kadar jenayah berulang ini berbeza mengikut individu, faktor sosial, serta pengaruh sistemik dalam sesebuah negara. Menurut kajian oleh Yukhnenko et al. (2023), Stahler et al. (2013), Shishane et al. (2023) dan Mayer et al. (2025), kadar sabitan semula dalam tempoh dua tahun selepas pembebasan banduan adalah antara 18% hingga 55%, bergantung kepada jenis kesalahan dan negara. Pesalah harta benda serta individu yang mempunyai sejarah jenayah yang panjang dikenal pasti sebagai kumpulan paling berisiko tinggi untuk mengulangi kesalahan. Sebaliknya, pesalah yang terlibat dalam kesalahan seksual atau kesalahan lalu lintas menunjukkan kadar jenayah berulang yang lebih rendah (Mayer et al., 2025; Yukhnenko et al., 2023). Dalam kalangan remaja pula, kadar residivisme boleh mencecah lebih 50% bagi lelaki dan 37% bagi perempuan dalam tempoh beberapa tahun selepas pembebasan (Plattner et al., 2009).

Antara faktor utama yang mempengaruhi kecenderungan jenayah berulang ialah sejarah jenayah seseorang individu. Kajian oleh Goodley et al. (2021) dan Kovalchuk et al. (2023) mendapati bahawa pesalah yang mempunyai rekod sabitan atau pemenjaraan berulang adalah peramal paling kuat kepada kemungkinan mereka melakukan jenayah semula. Selain itu, penyalahgunaan bahan terlarang seperti dadah dan alkohol turut memainkan peranan besar dalam meningkatkan risiko residivisme. Individu yang tidak menerima rawatan atau intervensi sewajarnya lebih cenderung untuk kembali kepada gaya hidup jenayah (Katsiyannis et al., 2018; Sánchez et al., 2020; Stahler et al., 2013; Thomas et al., 2015). Sikap antisosial dan pengaruh rakan sebaya yang mempunyai kecenderungan jenayah turut menyumbang kepada kadar jenayah berulang (Goodley et al., 2021; Ismail et al., 2022). Pesalah yang terus bergaul dengan individu yang mempunyai rekod jenayah didapati lebih mudah terjerumus semula ke dalam aktiviti haram berbanding mereka yang mempunyai sokongan sosial yang positif. Di samping itu, faktor sosioekonomi seperti pengangguran, kemiskinan, serta ketiadaan sokongan keluarga atau komuniti turut dikaitkan dengan kadar residivisme yang lebih tinggi (Kubrin & Stewart, 2006; Sánchez et al., 2020; Taylor, 2016).

Masalah kesihatan mental juga memainkan peranan penting dalam isu ini. Pesalah yang mempunyai gangguan kesihatan mental, terutama jika tidak dirawat, menunjukkan kecenderungan lebih tinggi untuk melakukan kesalahan semula (Katsiyannis et al., 2018; Lattimore et al., 2022; Mayer et al., 2025; Shishane et al., 2023). Walau bagaimanapun, sokongan keluarga yang positif dapat membantu mengurangkan risiko ini. Kajian menunjukkan bahawa tinggal bersama ahli keluarga yang bebas daripada sabitan jenayah terkini dapat mengurangkan kadar residivisme, manakala tinggal bersama individu yang mempunyai rekod jenayah meningkatkan risiko sebaliknya (Ismail et al., 2022; Taylor, 2016).

Selain itu, faktor persekitaran turut memainkan peranan penting. Pesalah yang kembali ke kawasan kejiranan yang daif atau terpinggir selepas pembebasan lebih berisiko tinggi untuk mengulangi kesalahan (Kubrin & Stewart, 2006; Ismail et al., 2022). Pengaruh rakan sebaya dan ketiadaan hubungan sosial yang positif merupakan antara penyumbang utama kepada fenomena ini (Begontes et al., 2024; Goodley et al., 2021). Secara keseluruhannya, isu jenayah berulang merupakan masalah kompleks yang berpunca daripada pelbagai faktor peribadi, sosial, ekonomi dan sistemik. Justeru, usaha menangani residivisme memerlukan pendekatan

holistik yang merangkumi program pemulihan berasaskan komuniti, rawatan kesihatan mental dan dadah, serta peluang pekerjaan dan pendidikan selepas pembebasan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman hidup dan cabaran bekas banduan yang hidup di sekitar Jalan Chow Kit. Hal ini kerana Jalan Chow Kit sering menjadi destinasi pilihan bekas banduan selepas dibebaskan dari penjara. Penerokaan kajian ini berupaya membantu untuk menambahkan ilmu baru kepada bidang pengetahuan.

Kajian Literatur

Stigma dan diskriminasi merupakan isu utama yang dihadapi oleh bekas banduan selepas dibebaskan daripada penjara. Kedua-dua faktor ini memberi kesan mendalam terhadap harga diri, penerimaan sosial, dan akses kepada sumber kehidupan asas. Menurut pelbagai kajian, ramai bekas banduan melaporkan bahawa mereka berasa terpinggir secara sosial, tidak dipercayai oleh komuniti, serta terbeban dengan rekod jenayah yang menghalang proses penyesuaian semula ke dalam masyarakat. Keadaan ini boleh menimbulkan tekanan emosi yang serius dan membawa kepada pengasingan sosial (Agtong et al., 2023; Chikadzi, 2017; Keene et al., 2018; Kılıç & Tuysuz, 2024; Ndaba, 2020). Stigma ini lebih ketara terhadap kumpulan tertentu seperti wanita dan individu yang disabitkan dengan kesalahan berat atau seksual. Golongan ini sering berdepan dengan penghinaan awam, kehilangan status sosial, serta ancaman atau gangguan daripada masyarakat (Cardoso et al., 2025; Gerard et al., 2024; Gungea, 2025). Situasi tersebut bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan psikologi mereka, tetapi juga menghalang peluang untuk membina semula kehidupan secara bermaruah.

Salah satu halangan terbesar dalam proses pemulihan ialah kesukaran mendapatkan pekerjaan yang stabil (Ndaba, 2020; Pino et al., 2021; Schartmueller, 2020; Western, 2018). Diskriminasi majikan, kekurangan kemahiran kerja, dan sejarah pekerjaan yang tidak menentu menjadi punca utama masalah ini. Akibatnya, ramai bekas banduan mengalami ketidakstabilan kewangan dan terpaksa bergantung kepada bantuan awam, pekerjaan bergaji rendah, atau sokongan keluarga (Buck et al., 2021; Kılıç & Tuysuz, 2024; Mourão et al., 2025). Kesukaran ekonomi ini turut diperburuk oleh hutang, ketiadaan simpanan, serta akses terhad kepada kredit dan perumahan (Halushka, 2020; Peled-Laskov et al., 2021; Western et al., 2015).

Akses kepada perumahan yang selamat, stabil, dan mampu milik juga merupakan cabaran utama bagi bekas banduan. Ketidakstabilan tempat tinggal atau masalah gelandangan sering berlaku, dan ketiadaan rumah tetap boleh menghalang proses parol atau penyatuan semula dengan keluarga. Hal ini seterusnya mewujudkan kitaran kerugian sosial dan ekonomi yang berulang (Schartmueller, 2020; Western, 2018). Selain itu, usaha membina semula hubungan kekeluargaan dan komuniti turut mencabar. Ramai bekas banduan mengalami hubungan yang retak, kekurangan kepercayaan, serta pengasingan sosial. Walaupun sokongan keluarga amat penting untuk kejayaan penyesuaian semula, ia tidak sentiasa tersedia atau mencukupi (Agtong et al., 2023; Chikadzi, 2017).

Masalah kesihatan mental, ketagihan, dan tekanan emosi juga meluas dalam kalangan bekas banduan. Tekanan akibat proses kemasukan semula ke masyarakat dan kekurangan akses kepada perkhidmatan kesihatan hanya memperburuk keadaan. Bagi bekas banduan yang lebih berusia, cabaran kesihatan menjadi lebih kompleks akibat tahap literasi kesihatan yang rendah dan kesukaran mengurus rawatan perubatan (Hwang et al., 2025; Mourão et al., 2025; Western et al., 2015). Akhir sekali, bekas banduan juga perlu berhadapan dengan pelbagai syarat parol, sekatan undang-undang, dan sistem sokongan yang terpecah-pecah. Tanpa bantuan yang mencukupi, keadaan ini boleh menjadi amat membebankan dan meningkatkan risiko

pengulangan jenayah (Buck et al., 2021; Halushka, 2020). Kesimpulannya, pengalaman hidup bekas banduan selepas dibebaskan penuh dengan cabaran sosial, ekonomi, dan psikologi. Stigma masyarakat, kekangan pekerjaan, kesukaran mendapatkan perumahan, serta kelemahan sistem sokongan menjadi faktor utama yang menghalang proses integrasi semula yang berjaya. Oleh itu, pendekatan holistik dan berasaskan empati amat diperlukan untuk memastikan bekas banduan dapat kembali berfungsi sebagai anggota masyarakat yang produktif dan dihormati.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi memahami secara mendalam pengalaman hidup, cabaran, dan proses penyesuaian semula bekas banduan selepas dibebaskan daripada penjara. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia memberi tumpuan kepada pemahaman makna dan pengalaman subjektif yang dialami oleh individu dalam konteks sosial mereka. Melalui pendekatan ini, pengkaji dapat menelusuri persepsi, emosi, dan tafsiran bekas banduan terhadap kehidupan selepas pemenjaraan, termasuk bagaimana mereka berhadapan dengan stigma masyarakat, masalah ekonomi, kesukaran mendapatkan pekerjaan, serta proses membina semula hubungan keluarga dan komuniti.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Kawasan ini terletak di tengah-tengah bandaraya dan dikenali sebagai salah satu kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi serta kepelbagaian sosioekonomi dan etnik. Chow Kit sering dikaitkan dengan isu-isu sosial seperti kemiskinan bandar, pengangguran, gelandangan, penagihan dadah, serta keberadaan golongan marginal termasuk bekas banduan, pekerja tidak formal, dan individu tanpa tempat tinggal tetap. Chow Kit merupakan antara kawasan tumpuan bagi individu yang baru keluar dari penjara, sama ada mereka mencari pekerjaan sementara, tempat perlindungan, atau bantuan sosial. Beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Pertubuhan Komuniti Ar Riqab Kuala Lumpur turut aktif di kawasan ini dalam memberikan sokongan kepada individu yang memerlukan, termasuk bekas banduan. Hal ini menjadikan kawasan ini sesuai untuk mendapatkan data secara langsung daripada kumpulan sasaran. Kawasan Chow Kit mempunyai beberapa pusat komuniti, rumah perlindungan, dan organisasi yang menyediakan perkhidmatan kepada bekas banduan, seperti kaunseling, latihan kemahiran, dan program pemulihan. Ini memudahkan pengkaji mendapatkan akses kepada responden yang relevan dan menjalankan temu bual dalam persekitaran yang selamat serta terkawal.

Populasi, Sampel Dan Teknik Persampelan

Kajian ini melibatkan golongan bekas banduan sebagai populasi kajian. Pengkaji mengenalpasti tiga orang bekas banduan dengan menggunakan teknik persampelan purposif. Kriteria yang ditetapkan seperti mempunyai rekod jenayah berulang, tidak mempunyai tempat tinggal yang stabil, tidak mempunyai masalah psikologi yang didiagnos dari mana-mana hospital dan berwarganegara Malaysia. Pengkaji telah menukar nama informan kepada samaran bagi memastikan kerahsiaan.

Teknik Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur (semi-structured interviews) dengan beberapa orang bekas banduan yang menetap atau sering berada di kawasan Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Kaedah ini membolehkan penyelidik mengemukakan soalan terbuka sambil memberi ruang kepada informan untuk berkongsi pengalaman secara bebas dan mendalam.

Teknik Analisis Data

Kajian ini menggunakan analisis tematik dalam menganalisis data kajian. Analisis data tematik ialah satu kaedah kualitatif yang digunakan untuk mengenal pasti, menganalisis, dan mentafsir corak atau tema yang muncul daripada data kajian, terutamanya data berbentuk teks seperti transkrip temu bual, nota pemerhatian, atau dokumen. Teknik ini amat sesuai digunakan dalam kajian yang bertujuan memahami pengalaman, pandangan, atau makna yang dikaitkan dengan sesuatu fenomena sosial. Menurut Braun dan Clarke (2013), analisis tematik melibatkan beberapa peringkat utama yang sistematik bagi memastikan proses pengekodan dan pembentukan tema dijalankan dengan teliti dan berasaskan data. Langkah-langkah utama dalam analisis tematik adalah seperti berikut:

1. Pembiasaan dengan Data (Familiarisation with Data): Pengkaji perlu membaca dan meneliti data berulang kali untuk memahami kandungan keseluruhan dan konteksnya. Pada peringkat ini, pengkaji boleh membuat catatan awal tentang idea atau pola yang berpotensi muncul. Tujuannya ialah untuk memperoleh kefahaman mendalam terhadap data secara keseluruhan sebelum proses pengekodan dijalankan.
2. Menjana Kod Awal (Generating Initial Codes): Selepas memahami data, pengkaji mula mengenal pasti unit makna yang penting dan menandakan bahagian teks yang relevan dengan soalan kajian. Setiap unit makna diberikan *kod* — iaitu label ringkas yang mewakili isu, idea, atau konsep tertentu. Proses pengekodan boleh dilakukan secara manual
3. Mencari Tema (Searching for Themes): Kod-kod yang berkaitan kemudiannya dikumpulkan mengikut pola atau persamaan tertentu untuk membentuk *tema awal*. Tema ialah idea utama atau konsep penting yang menjelaskan makna di sebalik data. Pada peringkat ini, pengkaji mula menyusun hubungan antara tema dan subtema untuk membentuk struktur awal analisis.
4. Menyemak Tema (Reviewing Themes): Pengkaji menilai sama ada tema yang dikenal pasti benar-benar mencerminkan data dan mempunyai sokongan bukti yang mencukupi. Sekiranya ada tema yang terlalu luas, bertindih, atau kurang relevan, ia akan diubah suai, digabungkan, atau dibuang. Langkah ini memastikan bahawa tema yang terbentuk adalah konsisten, jelas, dan disokong oleh data yang sahih.
5. Mentakrif dan Menamakan Tema (Defining and Naming Themes): Setiap tema yang telah disahkan diberi nama yang padat dan bermakna serta dijelaskan definisinya. Pengkaji menghuraikan intipati setiap tema, menjelaskan bagaimana tema tersebut berkaitan dengan persoalan kajian, dan apa maknanya dalam konteks fenomena yang dikaji.
6. Menulis Laporan (Producing the Report): Langkah terakhir melibatkan penulisan hasil analisis secara naratif dengan menyertakan petikan data (seperti kata-kata informan) bagi menyokong hujah atau tafsiran penyelidik. Laporan harus menggambarkan hubungan antara tema dan objektif kajian serta menunjukkan bagaimana analisis tersebut menjawab persoalan penyelidikan.

Dapatan Kajian

Latarbelakang Sampel

Kajian ini melibatkan tiga orang bekas banduan yang telah ditemubual. Kajian ini melampirkan maklumat di dalam jadual 1:

Nama samaran	Umur	Negeri	Jumlah pemenjaraan	Jenis kesalahan	Jenis ketagihan	Hubungan keluarga	Jenis pekerjaan
Abu	57	Penang	24	ADB 1952	Dadah	Baik	Sukarelawan
Fikri	32	KL	2	ADB 1952	Dadah	Baik	Sukarelawan
Ismail	49	Melaka	2	ADB 1952 Sek 302 KK	Dadah / Jenayah	Baik	Sukarelawan

Latar Belakang Abu

Abu, 57 tahun berasal dari Georgetown, Pulau Pinang kini berkhidmat dengan badan sukarelawan. Beliau merupakan anak kepada empat adik-beradik dan mengekalkan hubungan yang harmonis dengan keluarga walaupun menghadapi pelbagai cabaran hidup. Abu mempunyai tiga orang anak yang dilahirkan sebelum perkahwinannya dengan isteri kini dimana dua daripadanya ditempatkan di rumah kebajikan manakala seorang lagi bekerja di Kuala Lumpur. Beliau mula terlibat dengan penggunaan dadah sejak usia 14 tahun dan sepanjang hayatnya pernah berulang kali dipenjarakan, termasuk 24 kali penahanan di penjara dan beberapa pusat serenti. Walaupun menghadapi cabaran ketagihan, beliau kini menumpukan usaha mendekatkan diri kepada agama, menunaikan solat dan mengamalkan pemikiran positif sebagai usaha untuk membina kehidupan yang lebih stabil dan bermakna.

Latar Belakang Fikri

Fikri, 32 tahun, berasal dari Kuala Lumpur dan merupakan anak bongsu daripada lapan adik-beradik. Beliau berstatus duda dan mempunyai dua anak lelaki yang tinggal bersama bekas isterinya di Kelantan. Dalam keluarga, Fikri paling rapat dengan kakak yang menjaga ibunya. Sejak remaja, Fikri terlibat dalam pergaulan tidak sihat dan mula melakukan jenayah pada usia 16 tahun, termasuk pergaduhan, rompakan serta penyalahgunaan dadah. Fikri dipenjara selama dua tahun di Penjara Kajang atas kesalahan berkaitan pergaduhan dan dadah. Selepas dibebaskan pada 2021, beliau menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan kerana rekod lampau. Namun, sokongan keluarga dan penglibatan dalam pusat pemulihan membantu Fikri menjauhi ketagihan serta berusaha membina kehidupan baru.

Latar Belakang Ismail

Ismail, 49 tahun, berasal dari Melaka dan merupakan anak sulung daripada enam orang adik beradik. Kini beliau berkhidmat di salah sebuah rumah kebajikan di Kuala Lumpur dan beliau tidak pernah berkahwin. Dalam keluarga, Ismail agak rapat dengan adik nombor tiga. Beliau mula mengenali dadah sewaktu masih remaja dan ada kalanya beliau tidak balik rumah dan tidur di "Port" dadah. Beliau merupakan perantara antara pengedar dan penagih dadah dan tugas beliau semasa tinggal di Melaka adalah menjual bekalan dadah kepada penagih yang lain. Sepanjang menjual dadah, beliau telah ditangkap dan disabitkan dengan kesalahan mengedar dadah. Setelah dibebaskan, beliau telah memulakan kehidupan baharu bersama keluarga. Adik beliau telah memberi bantuan kewangan kepadanya untuk tujuan membuka kedai burger di kampung beliau. Setelah berita pembebasan beliau diketahui oleh rakan yang lain, rakan sejenayah telah mula mendekati beliau dan mengajak untuk mengambil dadah. Setelah termakan ajakan rakan sejenayah, Ismail telah kembali aktif dalam dunia najis dadah. Ismail

telah menjadi pengedar dadah untuk diberikan kepada penagih yang lain. Suatu hari, terdapat seorang kawan telah menipu wang hasil penjualan dadah. Ekoran daripada itu, seorang lelaki yang dipanggil dengan panggilan “boss” telah marah dan mendesak Ismail untuk memberikannya wang tersebut. Ismail berada tidak puas hati dan beliau telah mencari rakan yang menipu beliau. Ismail telah menyerang lelaki tersebut sehingga cedera parah dan mendapatkan rawatan di hospital. Setelah dua hari, rakan beliau telah meninggal dunia. Ismail sekali lagi disabitkan kesalahan atas kesalahan membunuh. Setelah dibicarakan, Ismail telah disabitkan di bawah seksyen 302 KK. Pada tahun 2024, Ismail telah dibebaskan dari penjara setelah selesai menjalani hukuman. Ismail telah pulang semula ke kampung beliau dan rakan sejenayah mula mendekati beliau untuk mengambil dadah. Ismail yang menyesal dengan perbuatan tersebut telah memutuskan untuk berhijrah ke Kuala Lumpur walaupun mendapat tentangan daripada adik-beradiknya. Beliau nekad dengan keputusan tersebut dan telah berhijrah ke Kuala Lumpur sehingga kini. Walau bagaimanapun hubungan antara beliau dengan adik-beradik masih utuh dan tidak menolak kemungkinan akan pulang ke Melaka suatu hari nanti.

Persamaan utama yang wujud antara ketiga-tiga individu berdasarkan tiga aspek: penglibatan awal dalam jenayah, faktor ketagihan dan dadah serta cabaran integrasi semula selepas pembebasan. Pertama, ketiga-tiga individu menunjukkan persamaan dari segi pengaruh persekitaran dan rakan sebaya sebagai titik awal penglibatan mereka dalam jenayah. Fikri mula terjebak dengan aktiviti jenayah sejak usia 16 tahun, akibat ingin membuktikan “kekuatan” dan memperoleh penghormatan dalam kalangan rakan-rakan yang lebih tua. Abu pula terdedah kepada dadah seawal usia sembilan tahun kerana tinggal dalam persekitaran yang dipenuhi penagih, termasuk jiran-jiran yang kerap menunjukkan perilaku tidak sihat. Hal yang sama berlaku kepada Ismail, yang bermula dengan penggunaan bahan terlarang seperti gam dan ganja ketika remaja kerana pengaruh rakan sebelum meningkat kepada aktiviti pengedaran dadah. Ketiga-tiganya memperlihatkan bahawa peranan rakan sebaya dan persekitaran sosial memberi kesan besar dalam mempengaruhi tingkah laku mereka, lebih-lebih lagi ketika masih berada pada usia yang mudah terdedah kepada pengaruh luar.

Kedua, wujud persamaan ketara dalam penglibatan mereka dengan jenayah berkaitan dadah termasuk penggunaan, pemilikan dan pengedaran. Fikri terlibat dengan kesalahan berkaitan methamphetamine (ais) yang menjadi pendorong utama kepada pergaduhan, jenayah kecil dan kesalahan lain yang akhirnya membawa kepada hukuman penjara. Abu pula mempunyai sejarah panjang penyalahgunaan dadah termasuk heroin dan methadone, dan telah melalui 24 kali hukuman penjara serta empat kali kemasukan ke pusat serenti. Jenayah utama beliau melibatkan kesalahan di bawah seksyen berkaitan pemilikan dan memasukkan dadah ke dalam badan. Ismail pula mempunyai rekod paling berat antara ketiga-tiga individu apabila terlibat dalam pengedaran dadah jenis heroin dan ice, sehingga membawa kepada kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan (membunuh) akibat konflik dalam dunia pengedaran. Ketiga-tiga kes ini menggambarkan bagaimana dadah bukan sahaja menjadi punca ketagihan, tetapi turut mencetuskan rangkaian jenayah lain seperti kecurian, pergaduhan, pengedaran dan keganasan.

Ketiga, dari perspektif kehidupan selepas pembebasan, ketiga-tiga individu berkongsi persamaan dari segi cabaran dalam proses integrasi semula ke dalam masyarakat. Mereka masing-masing bergelut untuk mendapatkan pekerjaan tetap kerana rekod jenayah yang menjadi halangan utama diterima oleh majikan. Fikri pernah bekerja sebagai pengawal keselamatan dan pekerja landskap tetapi diberhentikan setelah rekod lamanya dikesan. Abu

pula berdepan masalah yang sama apabila majikan tidak menerimanya meskipun beliau mempunyai kemahiran memasak dan bertani. Sementara itu, Ismail walaupun dibantu oleh adiknya, tetap sukar untuk membina kerjaya stabil kerana stigma sosial dan kesukaran mengawal ketagihan lama. Ketiga-tiga individu ini juga mengakui bahawa stigma masyarakat yang masih memandang serong terhadap bekas banduan menyebabkan mereka berasa sukar untuk benar-benar kembali dan diterima.

Akhir sekali, ketiga-tiga mereka turut memperlihatkan persamaan dari segi peranan keluarga sebagai sumber sokongan paling utama. Walaupun pernah terlibat dalam kesalahan berat, ketiga-tiganya masih mempunyai hubungan dengan ahli keluarga yang memberikan dorongan moral, nasihat dan bantuan asas. Fikri disokong kakaknya, Abu menerima perhatian daripada ibu dan adik-beradik, manakala En Ismail dibantu oleh adiknya selepas pembebasan. Hubungan ini menjadi elemen penting dalam proses pemulihan sendiri dan usaha menjauhkan diri daripada rakan yang membawa pengaruh negatif.

Secara keseluruhannya, persamaan yang wujud antara ketiga-tiga individu ini membuktikan bahawa punca utama penglibatan dalam jenayah dan dadah adalah gabungan persekitaran sosial yang lemah, pengaruh rakan sebaya, dan ketagihan yang tidak dirawat. Selain itu, cabaran selepas pembebasan seperti stigma masyarakat dan kesukaran mendapatkan pekerjaan sering menjadi faktor yang menghalang mereka membina kehidupan baru. Namun begitu, kewujudan sokongan keluarga dan keinginan mereka untuk berubah menunjukkan bahawa peluang kedua adalah penting bagi memutuskan kitaran residivisme.

Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian ini telah memperoleh tiga tema utama iaitu melibatkan keluarga, dadah dan kitaran jenayah serta halangan integrasi semula dari segi pekerjaan dan stigma. Pengkaji melampirkan seperti berikut:

Tema 1: Hubungan Keluarga, Rindu Dan Sokongan

Tema ini memperlihatkan bahawa keluarga memainkan peranan penting dalam kehidupan bekas banduan, sama ada sebagai sumber kekuatan, motivasi untuk berubah, mahupun sebagai punca kerinduan yang mendalam akibat perpisahan dan pengalaman jauh daripada mereka. Walaupun hubungan mereka dengan keluarga tidak selalu stabil atau rapat, namun perasaan rindu dan keinginan untuk memperbaiki hubungan sering menjadi pemangkin utama dalam proses pemulihan dan integrasi semula mereka ke dalam masyarakat. Terdapat beberapa subtema yang telah dikelompokkan membawa kepada tema hubungan keluarga, rindu dan sokongan ini. Pengkaji melampirkan seperti berikut:

Subtema 1.1: Rindu Terhadap Keluarga Dan Kehilangan Hubungan Semasa Dalam Penjara

Ketiga-tiga informan menunjukkan rasa rindu yang ketara terhadap keluarga, terutamanya kepada anak, ibu, dan adik-beradik. Jarak fizikal dan masa yang lama di penjara mengakibatkan kehilangan hubungan yang sebelumnya penting dalam hidup mereka. Fikri, misalnya, menzahirkan kerinduannya terhadap keluarganya dan kenangan bersama ibunya:

“Saya Abdul Fikri... saya masih berhubung dengan kakak saya... sebab untuk tanya kesihatan mak dan untuk berhubung saya dengan anak saya.” (Fikri)

“Mak masak... itu kenangan yang saya rindu.” (Abu)

Rasa rindu ini bukan sekadar emosi, tetapi manifestasi kehilangan sokongan emosi akibat tempoh pemisahan yang panjang. Keadaan ini membuktikan walaupun pengalaman penjara telah memisahkan mereka dari ahli keluarga namun rasa rindu masih terpatat dalam diri.

Subtema 1.2: Perpisahan Keluarga Dan Perubahan Struktur Hubungan

Kebanyakan informan turut berdepan dinamika keluarga yang berubah – ada yang bercerai, ada adik-beradik yang membawa haluan masing-masing, dan ada yang berpindah jauh. Perubahan ini menyukarkan proses mereka untuk kembali membina hubungan selepas dibebaskan. Fikri menyatakan:

“Masing-masing dah kahwin... adik duduk jauh-jauh. Tinggal saya seorang membawa diri” (Fikri)

Keadaan ini menunjukkan bahawa peranan keluarga tidak lagi sama seperti dahulu. Bekas banduan perlu menyesuaikan diri dengan struktur hubungan yang telah berubah, dan dalam beberapa kes, hubungan itu menjadi semakin renggang selepas pemenjaraan.

Subtema 1.3: Keluarga Sebagai Sumber Sokongan Dan Motivasi Berubah

Meskipun hubungan diuji, keluarga tetap menjadi sumber sokongan yang penting. Sokongan ini hadir dalam bentuk komunikasi, nasihat, rujukan moral, dan sebagai motivasi untuk meninggalkan jenayah serta ketagihan. Dorongan untuk memperbaiki kehidupan demi keluarga, khususnya anak-anak, menjadi elemen kuat dalam naratif bekas banduan. Sebagai contoh, Yusri melihat keluarganya sebagai kekuatan untuk kembali pulih:

“Saya kesian anak-anak... kita kena korban sesuatu.” (En. Abu)

Sokongan keluarga ini membantu mengurangkan risiko pengulangan kesalahan, meningkatkan kestabilan emosi, serta memberikan arah kepada hidup selepas dibebaskan.

Tema 2: Dadah, Ketagihan dan Kitaran Jenayah

Ketagihan dadah berperanan besar dalam permulaan dan pengulangan jenayah; rakan sebaya dan lingkungan menstabilkan akses dadah; tekanan ekonomi memperkuat kitaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketagihan dadah merupakan faktor paling dominan yang mendorong permulaan serta pengulangan jenayah dalam kalangan bekas banduan. Ketagihan bukan sahaja mempengaruhi keputusan dan tingkah laku individu, tetapi turut mencipta satu kitaran sosial dan ekonomi yang memerangkap mereka dalam dunia jenayah. Faktor seperti pengaruh rakan sebaya, lingkungan yang memudahkan akses kepada bahan terlarang, serta tekanan ekonomi memperkuat ketergantungan ini sekaligus menyukarkan proses pemulihan mereka. Pengkaji melampirkan subtema seperti berikut:

Subtema 2.1: Permulaan Penggunaan Dadah: Pengaruh Rakan Dan Persekitaran

Hampir semua informan menyatakan bahawa mereka terjebak dengan dadah melalui pengaruh rakan-rakan yang dekat dengan kehidupan seharian mereka. Keterlibatan tersebut bermula secara beransur-ansur, namun kemudian berkembang menjadi ketagihan dan menyebabkan mereka semakin mudah terdedah kepada aktiviti jenayah Fikri menjelaskan bahawa rakan merupakan faktor utama yang membawa kepada permulaan penglibatannya:

“Permulaan dadah ini bermula daripada kawan... lepas tu saya baru bermula untuk membuat jenayah, saya bawa kereta... pegang parang... buat rompakan. Kesemua ini disebabkan penglibatan saya dengan dadah” (Fikri)

Pengaruh rakan sebaya ini bukan sekadar memperkenalkan dadah, tetapi mencipta normalisasi tingkah laku berisiko tinggi dalam kalangan individu muda yang akhirnya membawa kepada jenayah seperti rompakan, curi, dan kegiatan tidak sah yang lain.

Subtema 2.2: Ketagihan Sebagai Pemacu Jenayah Berulang

Dadah mencetuskan satu bentuk pergantungan yang memaksa informan mencari sumber kewangan segera untuk menampung keinginan mereka. Ketagihan menjadikan mereka berada dalam keadaan tertekan dan terdesak, seterusnya mendorong mereka mengulangi jenayah untuk mendapatkan wang. Seorang informan menjelaskan bagaimana ketagihan mendorong tingkah laku yang sukar dikawal:

“Keinginan tu tak habis... kalau ada duit, dia akan jual dan hisap semula.” (En. Abu)

Ketagihan yang berpanjangan ini membentuk “kitaran berulang” yang terdiri daripada penggunaan dadah → kehabisan wang → penglibatan dalam jenayah → ditangkap → dipenjarakan → dibebaskan → kembali kepada dadah. Siklus ini sukar diputuskan tanpa sokongan luar dan intervensi pemulihan yang menyeluruh.

Subtema 2.3: Tekanan Ekonomi Dan Keperluan Membiayai Ketagihan

Tekanan ekonomi merupakan faktor tambahan yang memperkukuh kitaran jenayah dalam kalangan bekas banduan. Ketagihan mencipta keperluan kewangan yang besar, dan apabila mereka tidak mampu mendapatkannya melalui pekerjaan yang stabil — apatah lagi dengan halangan rekod jenayah — mereka akhirnya memilih jalan singkat melalui kegiatan jenayah. Fikri menjelaskan bahawa apabila berada dalam keadaan “gian”, desakan mendapatkan wang mendorong mereka untuk bertindak di luar batasan undang-undang:

“Kalau gian, ketagihan... akan cari duit.” (Fikri)

Tekanan ekonomi ini bertambah buruk apabila latar belakang keluarga yang miskin atau terputus hubungan, menjadikan jenayah satu-satunya pilihan praktikal untuk menampung ketagihan yang semakin mendalam.

Subtema 2.4: Persekitaran Sosial Yang Memudahkan Akses Kepada Dadah

Beberapa informan menggambarkan bagaimana persekitaran mereka semasa di luar penjara memudahkan akses kepada dadah, menjadikan usaha untuk berhenti semakin mencabar. Mereka tinggal di kawasan yang sudah biasa dengan budaya penggunaan dadah, menyebabkan risiko pengulangan semakin tinggi selepas dibebaskan. Bagi salah seorang informan, rakan-rakan lama menjadi pencetus kepada penggunaan semula selepas dibebaskan:

“Saya balik kerja... bila sunyi saya kawan balik dengan orang yang terlibat dengan dadah... sekarang saya elakkan.” (Fikri)

Keadaan ini menunjukkan bahawa pengaruh rakan dan persekitaran sosial adalah cabaran besar dalam proses pemulihan, terutamanya apabila seseorang tidak mempunyai sokongan alternatif yang kukuh.

Subtema 2.5: Kesedaran Terhadap Kebarangkalian Kembali Kepada Dadah

Walaupun informan menyatakan keinginan untuk berubah, ada antara mereka yang mengakui kemungkinan kembali menggunakan dadah masih wujud. Kesedaran ini menunjukkan konflik dalaman antara harapan untuk pulih dan realiti ketagihan. Seorang informan mengakui:

“Kemungkinan besar sentuh tapi dah cukup belajar dari pengalaman lepas.”
(Abu)

Pengakuan ini menjelaskan bahawa ketagihan bukan hanya isu tingkah laku, tetapi juga melibatkan faktor psikologi dan emosi yang kompleks.

Tema 3: Halangan Integrasi Semula — Pekerjaan & Stigma

Tema ini membincangkan cabaran utama yang dihadapi oleh bekas banduan dalam proses integrasi semula sosial, khususnya dalam aspek pekerjaan dan penerimaan masyarakat. Walaupun sebahagian informan mempunyai kemahiran teknikal dan pengalaman kerja, rekod jenayah yang dimiliki masih menjadi penghalang utama untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil. Di samping itu, stigma masyarakat terhadap bekas banduan membentuk pengasingan sosial yang menyukarkan proses perubahan, sekaligus menjejaskan keyakinan dan peluang mereka untuk membina kehidupan baharu.

Subtema 3.1: Halangan Pekerjaan

Kesukaran mendapatkan pekerjaan selepas dibebaskan merupakan isu paling dominan dalam kalangan informan. Rekod jenayah menjadi faktor utama yang menutup banyak peluang walaupun informan sebenarnya mempunyai keupayaan bekerja atau pengalaman dalam bidang tertentu. Fikri berkongsi pengalamannya kehilangan kerja kerana rekod jenayah:

“Saya kerja security... dibuang sebab rekod jenayah.” (Fikri)

Keadaan ini menunjukkan bahawa majikan sering mengambil langkah berhati-hati yang berlebihan dengan mengelakkan pengambilan bekas banduan, meskipun mereka berkelayakan. Ini menjadikan peluang pekerjaan jangka panjang sangat terhad, memaksa sesetengah bekas banduan kembali kepada persekitaran berisiko. En Yusri turut menegaskan bahawa masalah pekerjaan bukan kerana kekurangan pekerjaan, tetapi kerana semakin latar belakang yang menyebabkan mereka ditolak:

“Cari kerja tak susah, tapi cek rekod buat susah.” (Abu)

Kedua-dua petikan ini menggambarkan secara jelas bagaimana rekod jenayah menjadi halangan struktural, bukan sekadar masalah kemahiran atau usaha individu. Kekangan ini juga menyebabkan rasa kecewa, keletihan mental serta kecenderungan kembali kepada aktiviti berisiko jika mereka tidak mendapat sokongan alternatif.

Subtema 3.2: Stigma Masyarakat

Selain halangan pekerjaan, stigma masyarakat turut memberikan tekanan psikososial yang mendalam kepada bekas banduan. Stigma ini hadir dalam bentuk stereotaip bahawa bekas banduan tidak boleh dipercayai, berbahaya, atau tidak mampu berubah. Ia wujud sama ada secara langsung melalui diskriminasi, atau secara tidak langsung melalui sikap menjauhkan diri. Seorang informan berkongsi bahawa masyarakat mempunyai tanggapan negatif yang kuat terhadap bekas banduan:

“Kalau masyarakat fikir buruk... dia akan mengulang jenayah.” (Fikri)

Stigma sebegini bukan sahaja menjejaskan peluang pekerjaan, tetapi juga menghalang bekas banduan daripada merasa diterima dalam komuniti. Apabila mereka merasa tersisih, peluang mereka untuk kembali ke kitaran jenayah meningkat kerana mereka hilang sokongan sosial dan rasa kepunyaan (*sense of belonging*). Selain itu, cabaran membina semula hubungan sosial turut menjadi masalah apabila mereka pulang ke komuniti yang masih mengingati masa lalu mereka. Dalam beberapa keadaan, pandangan serong ini menyebabkan mereka berasa lebih selesa mengasingkan diri, yang seterusnya meningkatkan risiko terjebak kembali dengan rakan-lama yang terlibat dengan dadah atau jenayah.

Subtema 3.3: Kemahiran Dan Potensi Pekerjaan

Walaupun berdepan stigma dan halangan pekerjaan, ketiga-tiga informan sebenarnya mempunyai kemahiran yang boleh menyokong proses integrasi semula mereka. Namun, potensi ini tidak dapat direalisasikan sepenuhnya kerana halangan struktur seperti rekod jenayah dan diskriminasi majikan. Sebagai contoh, seorang informan menyatakan kemahirannya dalam bidang teknikal:

“Saya boleh melakukan kimpalan.” (Ismail)

Kemahiran seperti kimpalan, kerja am, kerja restoran, dan kemahiran manual lain merupakan aset kepada bekas banduan. Namun peluang untuk mengaplikasikannya hanya dapat diperoleh sekiranya terdapat majikan yang sanggup memberi peluang kedua. Dalam banyak kes, walaupun mereka memiliki kemahiran, mereka masih gagal mendapatkan pekerjaan stabil kerana majikan lebih melihat kepada rekod lampau berbanding kemampuan sebenar. Potensi mereka juga dipengaruhi oleh tahap sokongan yang diterima daripada pusat pemulihan atau NGO yang menyediakan latihan kerja, bimbingan kerjaya, serta peluang pekerjaan. Tanpa sokongan institusi yang sistematik, kemahiran ini tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Perbincangan dan Analisis Kajian

Pengalaman hidup bekas banduan selepas dibebaskan dari penjara memperlihatkan satu proses penyesuaian sosial yang kompleks dan sering kali penuh dengan cabaran multidimensi. Dalam konteks bekas banduan yang mengulangi kesalahan (*recidivist*), pengalaman ini menjadi lebih rumit apabila mereka berdepan dengan kekangan material, stigma sosial, masalah kesihatan mental, serta kegagalan sistemik dalam menyediakan peluang integrasi semula yang adil. Perbincangan ini meneliti isu-isu tersebut melalui pendekatan kritikal bagi memahami bagaimana struktur sosial dan dasar awam membentuk realiti kehidupan pasca-penjara. Kajian menunjukkan bahawa bekas banduan residivis sering berhadapan dengan kesukaran material yang serius sebaik sahaja dibebaskan, termasuk pengangguran, ketidakstabilan tempat tinggal, serta kebergantungan kepada bantuan keluarga atau agensi kebajikan (Halushka, 2020; Nally et al., 2014; Western et al., 2015). Keadaan ini memperlihatkan bagaimana ketiadaan sokongan struktur yang kukuh selepas keluar dari penjara menyebabkan mereka mudah terjerumus kembali ke dalam kitaran kemiskinan dan jenayah.

Dari perspektif kritikal, isu ini tidak wajar dilihat semata-mata sebagai kegagalan individu dalam menyesuaikan diri dengan masyarakat, tetapi perlu difahami sebagai hasil daripada ketidakseimbangan sistem sosial dan ekonomi. Diskriminasi terhadap bekas banduan dalam pasaran kerja serta ketiadaan dasar perlindungan sosial yang inklusif telah mengekalkan mereka dalam status marginal. Maka, pengangguran dan kemiskinan bukan sekadar akibat dari

“pilihan” individu, tetapi manifestasi daripada struktur ekonomi yang eksklusif dan tidak adil terhadap kumpulan berisiko.

Masalah kesihatan mental dan fizikal yang dialami semasa dalam penjara sering berlanjutan selepas pembebasan dan menjadi faktor utama kepada risiko residivisme (Wallace & Wang, 2020; Western, 2018). Tekanan psikologi, trauma, serta gangguan kecemasan sering melemahkan keupayaan bekas banduan untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di luar tembok penjara. Keadaan ini diperburuk oleh ketiadaan kesinambungan rawatan dan sokongan psikososial yang berkesan selepas pembebasan. Secara kritikalnya, hal ini menggambarkan kelemahan struktur institusi pemulihan yang berorientasikan hukuman berbanding pendekatan pemulihan holistik. Kegagalan sistem penjara dalam menyediakan sokongan kesihatan mental yang berterusan selepas pembebasan menjadikan proses integrasi sosial semula tidak berkesan. Dalam erti kata lain, penjara menjadi institusi yang menghasilkan semula trauma sosial, bukan membina kapasiti daya tahan psikologi untuk menghadapi kehidupan bebas.

Salah satu cabaran paling signifikan bagi bekas banduan adalah stigma sosial dan diskriminasi yang dikaitkan dengan rekod jenayah mereka. Penolakan masyarakat terhadap bekas banduan bukan sahaja menghalang mereka mendapatkan pekerjaan dan perumahan, tetapi turut menyebabkan pengasingan sosial yang mendalam (Bonggot et al., 2024; Moore & Tangney, 2017). Stigma ini berfungsi sebagai bentuk “hukuman berterusan” yang mengekang peluang untuk mereka membina semula identiti sosial yang positif. Dari analisis kritikal, stigma terhadap bekas banduan merupakan hasil daripada struktur sosial yang berakar dalam logik kawalan dan pengasingan. Naratif moralistik yang menilai bekas banduan sebagai individu “gagal” memperkukuh sempadan sosial antara mereka dan masyarakat arus perdana. Akibatnya, stigma bukan sahaja melemahkan motivasi untuk berubah tetapi turut mengekalkan dominasi simbolik yang meminggirkan mereka daripada peluang sosial dan ekonomi.

Tambahan pula, wujudnya diskriminasi tersirat dalam dasar awam, seperti semakan latar belakang jenayah dalam pengambilan kerja atau penyewaan rumah yang memperkukuh lagi eksklusi sosial ini. Fenomena ini membuktikan bahawa integrasi sosial semula bukan semata-mata persoalan moral individu, tetapi suatu perjuangan melawan struktur sosial yang menindas. Keterbatasan akses kepada pekerjaan dan perumahan kekal sebagai isu utama dalam proses integrasi semula (Harrison & Schehr, 2004; Western, 2018). Majikan sering kali enggan menggaji bekas banduan atas alasan risiko dan reputasi, manakala pemilik rumah menolak permohonan sewaan daripada mereka atas dasar stigma dan ketidakpercayaan. Akibatnya, ramai bekas banduan terpaksa bergantung kepada pekerjaan sementara dan tempat tinggal sementara, yang seterusnya memperkukuh kitaran ketidakstabilan sosial.

Dari perspektif kritikal, kegagalan ini mencerminkan kelemahan dasar pemulihan negara yang tidak disepadukan antara sektor pekerjaan, perumahan, dan kebajikan sosial. Sistem birokrasi yang berpecah-belah menuntut bekas banduan untuk menavigasi pelbagai agensi dalam usaha mendapatkan bantuan, sesuatu yang sering kali membebankan dan mematahkan semangat. Keadaan ini menunjukkan bahawa struktur pentadbiran sosial masih beroperasi dalam kerangka kawalan, bukan pemberdayaan. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran, terdapat faktor pelindung yang berupaya mengurangkan risiko residivisme, seperti kestabilan emosi, sokongan keluarga dan komuniti, peluang pendidikan, serta akses kepada perkhidmatan kesihatan dan sosial (Beeble & Hampton, 2021; Mourão et al., 2025). Bekas banduan yang mempunyai jaringan sosial positif dan daya tahan psikologi lebih berkemampuan menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu. Namun, pendekatan kritikal berhujah bahawa

menekankan faktor dalaman semata-mata tanpa menangani ketidakseimbangan struktur akan terus meletakkan tanggungjawab pemulihan di bahu individu. Pendekatan ini cenderung bersifat neoliberal, yang memandang masalah sosial sebagai kegagalan peribadi bukannya hasil daripada sistem sosial yang tidak adil. Oleh itu, kejayaan integrasi semula harus dilihat sebagai hasil sinergi antara sokongan individu dan reformasi struktur sosial.

Kajian ini menegaskan bahawa pengalaman bekas banduan residivis selepas pembebasan tidak boleh difahami sebagai kegagalan individu semata-mata, tetapi sebagai hasil interaksi antara faktor ketagihan, stigma sosial, kelemahan sokongan struktur, dan peluang integrasi yang terhad. Dapatan utama menunjukkan bahawa hubungan keluarga, pengaruh dadah, serta halangan pekerjaan dan stigma merupakan mekanisme kritikal yang membentuk trajektori kehidupan pasca-penjara. Dalam kerangka teori *desistance*, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa keinginan untuk berhenti daripada jenayah memang wujud, terutamanya melalui motivasi keluarga dan kesedaran diri. Namun, proses *desistance* ini sering terganggu apabila individu gagal mencapai kestabilan sosial asas seperti pekerjaan, perumahan dan sokongan komuniti. Hal ini mengesahkan hujah bahawa *desistance* bukan sekadar perubahan sikap, tetapi satu proses sosial yang memerlukan pengiktirafan dan peluang struktur. Dari sudut pemulihan sosial, kajian ini menunjukkan bahawa ketiadaan kesinambungan sokongan selepas pembebasan terutama dalam rawatan ketagihan, kesihatan mental dan kebolehkeraan menyebabkan pemulihan menjadi rapuh dan tidak lestari. Pemulihan yang berkesan memerlukan pendekatan holistik yang menggabungkan intervensi individu dengan pembaharuan sistem sokongan sosial.

Seterusnya, dapatan kajian mengukuhkan perbincangan tentang integrasi semula dengan menunjukkan bahawa stigma dan diskriminasi institusi berfungsi sebagai “hukuman berterusan” yang menafikan peluang membina identiti sosial baharu. Tanpa integrasi yang inklusif, usaha *desistance* dan pemulihan berisiko menjadi gagal, sekali gus mengekalkan kitaran residivisme. Sumbangan baharu kajian ini terletak pada penegasan bahawa *desistance*, pemulihan sosial dan integrasi semula perlu difahami sebagai proses yang saling bergantung, bukan terpisah. Kajian ini memperluas wacana dengan menunjukkan bahawa kejayaan keluar daripada kitaran jenayah hanya dapat dicapai apabila perubahan individu disokong oleh transformasi struktur sosial dan dasar yang lebih adil serta berperikemanusiaan.

Implikasi Praktikal

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa proses *desistance* dalam kalangan bekas banduan bukan berlaku secara linear atau semata-mata melalui niat individu, tetapi sangat bergantung kepada sokongan struktur yang membolehkan pemulihan sosial dan integrasi semula berlaku secara bermakna. Selari dengan teori *desistance*, hubungan keluarga, peluang pekerjaan yang stabil, serta penerimaan sosial berfungsi sebagai titik perubahan (*turning points*) yang mengurangkan kecenderungan jenayah berulang. Namun, dapatan kajian ini juga menegaskan bahawa kegagalan dasar awam menangani stigma, pengangguran dan ketidakstabilan perumahan telah melemahkan proses pemulihan dan mengekalkan kitaran residivisme.

Dari sudut implikasi praktikal, kajian ini mencadangkan keperluan pengukuhan polisi pasca-penjara yang lebih bersepadu antara institusi pemulihan, kebajikan dan pasaran kerja. Dasar sedia ada perlu beralih daripada pendekatan berorientasikan kawalan kepada pendekatan pemulihan sosial, dengan menyediakan laluan integrasi yang jelas merangkumi perumahan sementara, sokongan psikososial dan penempatan kerja. Program latihan kemahiran juga perlu disesuaikan dengan realiti bekas banduan, khususnya latihan vokasional berasaskan

permintaan pasaran, skim pekerjaan terlindung (*supported employment*), dan insentif kepada majikan yang mengambil bekas banduan.

Selain itu, program sosial berasaskan komuniti perlu diperkukuh bagi membina jaringan sokongan yang berterusan, termasuk peranan NGO, mentor komuniti dan sokongan keluarga sebagai faktor pelindung dalam proses *desistance*. Dalam masa yang sama, usaha pengurangan stigma melalui kempen kesedaran awam dan semakan dasar diskriminasi pekerjaan adalah penting bagi memastikan bekas banduan tidak terus dihukum secara sosial selepas pembebasan. Kajian ini menyumbang kepada pengetahuan dengan menegaskan bahawa kejayaan pemulihan dan integrasi bekas banduan hanya dapat dicapai apabila perubahan individu disokong oleh transformasi struktur dan dasar yang inklusif, berperikemanusiaan dan berorientasikan keadilan sosial.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, perbincangan ini menegaskan bahawa pengalaman hidup bekas banduan selepas pembebasan bukan sahaja berkaitan dengan penyesuaian peribadi, tetapi juga mencerminkan kelemahan struktur sosial, ekonomi, dan dasar termasuk peraturan, undang-undang serta polisi kerajaan yang sepatutnya membimbing dan menyokong proses pemulihan mereka dalam menyediakan ruang pemulihan yang inklusif. Pendekatan kritikal menolak pandangan bahawa residivisme adalah hasil kelemahan moral individu, sebaliknya melihatnya sebagai akibat langsung daripada marginalisasi sosial yang berterusan. Maka, untuk mencapai integrasi semula sosial yang berkesan, perlu ada pembaharuan dasar yang menumpukan kepada pengurangan stigma, peluang pekerjaan dan perumahan yang adil, serta kesinambungan sokongan kesihatan mental. Hanya melalui transformasi struktur dan perubahan paradigma masyarakat terhadap bekas banduan, konsep pemulihan sebenar dapat direalisasikan dalam kerangka keadilan sosial.

Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil daripada program komuniti yang dilaksanakan oleh pelajar dari kursus SSYR 5013 Pencegahan Residivisme yang ditawarkan di bawah Ijazah Sarjana Sains Koreksional di Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia. Pengkaji menjalankan aktiviti menyantuni gelandangan dalam kalangan bekas banduan di Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur. Melalui program tersebut, temu bual telah dijalankan dengan tiga orang bekas banduan yang kini menjadi penghuni di Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur. Pengkaji pertama yang juga merupakan Pensyarah Kanan bersama pengkaji lain yang merupakan pelajar bagi kursus ini, telah menggunakan data yang diperolehi daripada program komuniti tersebut sebagai asas untuk penulisan artikel ini.

Rujukan

- Agtong, G. A., Bazer, A., Descuatan, K. A., & Ceballo, E. C. (2023). Life after imprisonment: Exploring the repercussions of jail time on ex-convicts. *Asian Research Journal of Arts & Social Sciences*, 21(3), 61-77.
- Beeble, M., & Hampton, C. (2021). Community Reintegration of Repeat Female Offenders in County Jails. *Women & Criminal Justice*, 31, 518 - 535. <https://doi.org/10.1080/08974454.2021.1947441>
- Begontes, G. M., Kilat, K. J. B., Mina, D. R. J., Morales, G. L. P., Gupit, E. F. E., & Cuevas, J. F. (2024). Voices of Recidivism: A Case Study on the Causes of Reoffending. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 8(7), 897-914.

- Bonggot, J. B., Sabijon, D. F., Boniao, G., Damuag, E., Sayson, Y. C., Sagayno, R. C., & Albofera, A. T. (2024). Life after prison: A phenomenological study on the lived experiences of released inmates. *International Journal of Law and Politics Studies*, 6(3), 107-120. <https://doi.org/10.32996/ijlps.2024.6.3.9>
- Buck, K., Cochran, A., Young, H., Gordon, M., Yuen, H., & Tucker, S. (2021). The Facilitators and Barriers Faced When Transitioning Back into the Community Following a Prison Sentence. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 66, 1156 - 1174. <https://doi.org/10.1177/0306624x211013518>
- Braun, V., & Clarke, V. (2013). Successful qualitative research: A practical guide for beginners.
- Cardoso, A., Quintas, J., & Santos, G. (2025). Unveiling the Journey to Community Reintegration: Results from a Qualitative Study with Sexual Offenders on Parole. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 69, 1544 - 1559. <https://doi.org/10.1177/0306624x251324661>
- Chikadzi, V. (2017). Challenges facing ex-offenders when reintegrating into mainstream society in Gauteng, South Africa. *Social Work*, 53, 288-300. <https://doi.org/10.15270/53-2-569>
- Gerard, F., Crookes, R., Gerard, J., , B., & , C. (2024). Negotiating challenges faced by homicide offenders upon their release from prison: a thematic analysis. *Journal of Offender Rehabilitation*, 63, 207 - 227. <https://doi.org/10.1080/10509674.2024.2331467>
- Goodley, G., Pearson, D., & Morris, P. (2021). Predictors of recidivism following release from custody: a meta-analysis. *Psychology, Crime & Law*, 28, 703 - 729. <https://doi.org/10.1080/1068316x.2021.1962866>
- Gungea, M. (2025). Navigating the Uncertainties: A Study of the Challenges Women Offenders Experience Post Prison Release. *Global Academic Journal of Humanities and Social Sciences*. <https://doi.org/10.36348/gajhss.2025.v07i01.001>
- Harrison, B., & Schehr, R. (2004). Offenders and Post-Release Jobs. *Journal of Offender Rehabilitation*, 39, 35 - 68. https://doi.org/10.1300/j076v39n03_03
- Hassan, S., Kirk, D., & Andersen, L. (2022). The Importance of Living Arrangements for Criminal Persistence and Desistance: A Novel Test of Exposure to Convicted Family Members. *Journal of Developmental and Life-Course Criminology*, 8, 571 - 596. <https://doi.org/10.1007/s40865-022-00211-0>
- Halushka, J. M. (2020). The runaround: Punishment, welfare, and poverty survival after prison. *Social Problems*, 67(2), 233-250. <https://doi.org/10.1093/socpro/spz018>
- Hwang, Y., Hagos, A., Harris-Roxas, B., Withall, A., Butler, T., Hampton, S., Cheng, C., & Elmer, S. (2025). "Equipping and enabling" health literacy during a "time of change": understanding health literacy and organisational health literacy responsiveness for people leaving prison in later life. *Health & Justice*, 13(1), 21. <https://doi.org/10.1186/s40352-025-00328-6>
- Katsiyannis, A., Whitford, D., Zhang, D., & Gage, N. (2018). Adult Recidivism in United States: A Meta-Analysis 1994–2015. *Journal of Child and Family Studies*, 27, 686-696. <https://doi.org/10.1007/s10826-017-0945-8>
- Keene, D., Smoyer, A., & Blankenship, K. (2018). Stigma, housing and identity after prison. *The Sociological Review*, 66, 799 - 815. <https://doi.org/10.1177/0038026118777447>
- Kılıç, A., & Tuysuz, M. K. (2024). Exploring the Challenges of Reintegrating Ex-Offenders into Society. *Interdisciplinary Studies in Society, Law, and Politics*, 3(3), 4-11.. <https://doi.org/10.61838/kman.isslp.3.3.2>

- Kovalchuk, O., Karpinski, M., Banakh, S., Kasianchuk, M., Shevchuk, R., & Zagorodna, N. (2023). Prediction Machine Learning Models on Propensity Convicts to Criminal Recidivism. *Inf.*, 14, 161. <https://doi.org/10.3390/info14030161>
- Kubrin, C. E., & Stewart, E. A. (2006). Predicting who reoffends: The neglected role of neighborhood context in recidivism studies. *Criminology*, 44(1), 165-197. <https://doi.org/10.1111/j.1745-9125.2006.00046.x>
- Lattimore, P. K., Richardson, N. J., Ferguson, P. L., & Pickelsimer, E. E. (2022). The Association of Traumatic Brain Injury, post-traumatic stress disorder, and criminal recidivism. *Health & Justice*, 10(1), 7. <https://doi.org/10.1186/s40352-022-00169-7>
- Mayer, J., Wolf, V., Steiner, I., Dudeck, M., Klein, V., Streb, J., & Franke, I. (2025). Recidivism rates of female offenders discharged from forensic psychiatric treatment. *Frontiers in Psychiatry*, 16, 1556987. <https://doi.org/10.3389/fpsyt.2025.1556987>
- Mourão, A., Sousa, M., Ferreira, M., Gonçalves, L., Caridade, S., & Cunha, O. (2025). Beyond Recidivism: A Systematic Review Exploring Comprehensive Criteria for Successful Reintegration After Prison Release. *Criminal Justice and Behavior*, 52, 1173 - 1199. <https://doi.org/10.1177/00938548251335322>
- Moore, K., & Tangney, J. (2017). Managing the Concealable Stigma of Criminal Justice System Involvement: A Longitudinal Examination of Anticipated Stigma, Social Withdrawal, and Post-Release Adjustment.. *The Journal of social issues*, 73 2, 322-340. <https://doi.org/10.1111/josi.12219>
- Moore, K., Stuewig, J., & Tangney, J. (2016). The Effect of Stigma on Criminal Offenders' Functioning: A Longitudinal Mediation Model. *Deviant Behavior*, 37, 196 - 218. <https://doi.org/10.1080/01639625.2014.1004035>
- Nally, J. M., Lockwood, S., Ho, T., & Knutson, K. (2014). Post-release recidivism and employment among different types of released offenders: A 5-year follow-up study in the United States. *International Journal of Criminal Justice Sciences*, 9(1).
- Ndaba, B. P. (2019). *Ex-offenders and their families: a study of reintegration in Zululand* (Doctoral dissertation).<https://doi.org/10.51415/10321/4347>
- Peled-Laskov, R., Timor, U., & Gideon, L. (2021). Reintegration experiences in a sample of Israeli parolees on completion of their term of supervision: A qualitative study. *Criminology & Criminal Justice*, 23, 387 - 408. <https://doi.org/10.1177/17488958211055975>
- Pino, J., Salibungcogon, R., & Villarmia, J. (2021). Life After Prison. *SMCC Higher Education Research Journal*. <https://doi.org/10.18868/cj-v4-a5>
- Plattner, B., Steiner, H., The, S., Kraemer, H., Bauer, S., Kindler, J., Friedrich, M., Kasper, S., & Feucht, M. (2009). Sex-specific predictors of criminal recidivism in a representative sample of incarcerated youth.. *Comprehensive psychiatry*, 50 5, 400-7. <https://doi.org/10.1016/j.comppsy.2008.09.014>
- Sánchez, F., Ignatyev, Y., & Mundt, A. (2020). The revolving prison door: Factors associated with repeat incarcerations in Spain.. *Journal of forensic and legal medicine*, 72, 101947. <https://doi.org/10.1016/j.jflm.2020.101947>
- Schartmueller, D. (2020). A home is more than a roof over your head: Post-prison reintegration challenges in Austria. *European Journal of Probation*, 12, 17 - 33. <https://doi.org/10.1177/2066220320908252>
- Shishane, K., John-Langba, J., & Onifade, E. (2023). Mental health disorders and recidivism among incarcerated adult offenders in a correctional facility in South Africa: A cluster analysis. *PLOS ONE*, 18. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0278194>

- Stahler, G., Mennis, J., Belenko, S., Welsh, W., Hiller, M., & Zajac, G. (2013). Predicting Recidivism for Released State Prison Offenders. *Criminal Justice and Behavior*, 40, 690 - 711. <https://doi.org/10.1177/0093854812469609>
- Taylor, C. (2016). The Family's Role in the Reintegration of Formerly Incarcerated Individuals. *The Prison Journal*, 96, 331 - 354. <https://doi.org/10.1177/0032885516635085>
- Thomas, E., Spittal, M., Taxman, F., & Kinner, S. (2015). Health-related factors predict return to custody in a large cohort of ex-prisoners: new approaches to predicting re-incarceration. *Health & Justice*, 3. <https://doi.org/10.1186/s40352-015-0022-6>
- Wallace, D., & Wang, X. (2020). Does in-prison physical and mental health impact recidivism?. *SSM - Population Health*, 11. <https://doi.org/10.1016/j.ssmph.2020.100569>
- Western, B., Braga, A., Davis, J., & Sirois, C. (2015). Stress and Hardship after Prison1. *American Journal of Sociology*, 120, 1512 - 1547. <https://doi.org/10.1086/681301>
- Western, B. (2018). *Homeward: Life in the year after prison*. Russell Sage Foundation.
- Yukhnenko, D., Farouki, L., & Fazel, S. (2023). Criminal recidivism rates globally: A 6-year systematic review update. *Journal of Criminal Justice*, 88. <https://doi.org/10.1016/j.jcrimjus.2023.102115>